



SIARAN MEDIA

TRANSFORMASI PKS DALAM SEGMENT DIGITAL DAN E-DAGANG PEMANGKIN EKONOMI DALAM NORMAL BARU

Mencari peluang dalam menangani krisis COVID-19

Perniagaan dan industri tempatan harus menjadikan digitalisasi sebagai medium untuk membina jenama Malaysia di peringkat global dalam era "normal baharu" kini.

"Wabak COVID-19 telah mencetus perubahan ketara dalam kehidupan seharian seluruh warga Malaysia. Penting bagi kita untuk terus mencari keseimbangan yang ideal dalam melindungi nyawa dan punca pendapatan rakyat melalui usaha perencanaan agenda dalam memulakan semula ekonomi, kata, Datuk Lim Ban Hong, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Pematuhan kepada Prosidur Operasi Standard (SOP) seperti penjarakan sosial, bekerja dari rumah, larangan berkumpul kini semakin menjadi satu kebiasaan dalam kehidupan kita. Walau bagaimanapun, kami sedar pastinya ada kesukaran bagi sesetengah komuniti perniagaan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menyesuaikan diri dengan normal baharu ini."

Namun begitu, Lim menyatakan bahawa syarikat-syarikat di Malaysia harus melihat perubahan-perubahan ini secara positif dan mengambil peluang daripada situasi ini untuk mempercepatkan transformasi digital yang boleh menyumbang kepada peningkatan jumlah jualan.

Manfaatkan e-dagang sepenuhnya

Salah satu pendekatan alternatif dalam transformasi digital ini adalah penglibatan industri tempatan dalam aktiviti e-dagang.



'E-dagang', atau dikenali juga sebagai perdagangan elektronik, telah mula berkembang sejak beberapa tahun yang lalu dan telah menyumbang sebanyak RM115.5 bilion pada tahun 2018, yang merangkumi sekitar 8% daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

E-dagang memberi peluang kepada PKS tempatan memasarkan dan mempromosikan produk mereka ke pasaran yang lebih luas semudah menggunakan telefon pintar. Kerajaan telah memberikan insentif dan bantuan dalam mendorong penggunaan e-dagang di kalangan pengusaha PKS.

Program eTRADE daripada MATRADE

Walaupun terdapat sebilangan perniagaan yang telah memulakan transformasi digital, masih banyak lagi yang belum menganjukkan langkah mereka ke arah e-dagang. Untuk menggalakkan peralihan perniagaan tempatan kepada e-dagang, antara insentif yang disediakan kerajaan adalah melalui Program eTRADE oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), sebuah agensi di bawah MITI.

Program eTRADE menawarkan RM5,000 kepada pemohon yang berkecukupan dalam bentuk e-baucar atau bayaran balik ke atas perbelanjaan, atau kedua-duanya. Syarikat-syarikat di bawah program eTRADE berpeluang untuk menyertai pelbagai platform e-dagang antarabangsa dari beberapa negara di seluruh dunia termasuklah negara-negara ASEAN, China, India dan Amerika Syarikat.

Inisiatif Program eTRADE ini adalah untuk mendorong syarikat-syarikat tempatan mempercepatkan penglibatan mereka ke dalam rantai bekalan global melalui aktiviti eksport secara 'online'.



Kisah kejayaan PKS Malaysia

Salah satu kisah kejayaan Program eTRADE ialah Megix Industries Sdn Bhd, sebuah PKS tempatan. Syarikat ini mempunyai pengkhususan dalam pengeluaran gulungan kertas termal dan pelbagai jenis bentuk seperti slip gaji, invois, pesanan penghantaran dan tiket. Pada tahun 2017, Megix telah memanfaatkan insentif yang diberikan oleh kerajaan dengan menyenaraikan produk mereka di platform e-dagang antarabangsa.

"Program eTRADE amat bermanfaat bagi perniagaan tradisional seperti kami yang biasanya mengalami kesulitan dalam memasarkan produk kami di pasaran global," kata Francis Ng, Pengarah Urusan Megix Industries Sdn Bhd.

Selepas menyertai Program eTRADE, Megix mula menggunakan platform e-dagang pada tahun 2017 dan jualan eksportnya telah meningkat daripada RM100,000 kepada RM9.4 juta pada tahun 2019.

Menurut Ng, hasil eksport telah menyumbang kepada sekitar 55% daripada jumlah keseluruhan hasil jualan perniagaannya. Setakat ini, syarikat Ng telah berjaya mengeksport ke 20 buah negara antaranya Amerika Syarikat, Arab Saudi, Qatar, Emiriah Arab Bersatu, Ghana dan Nigeria.

"Saya amat menggalakkan penggiat industri untuk menceburi bidang teknologi digital dan merebut peluang perniagaan di seluruh dunia melalui e-dagang bagi memastikan jenama mereka dapat dikenali di seluruh dunia," ulas Ng.

-TAMAT-

**YB DATUK LIM BAN HONG
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
KHAMIS, 4 JUN 2020**